

08 JAN 2004

Hamid-Senator

SENATOR JADI MENTERI BUKTI TIADA GARIS PEMISAH DLM TADBIR NEGARA

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Pelantikan Tan Sri Nor Mohamed Yakcob sebagai Menteri Kewangan II membuktikan tiada garis pemisah antara kakitangan perkhidmatan awam dan anggota politik dalam mentadbir negara, malah mereka saling lengkap melengkapi.

Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh berkata kakitangan perkhidmatan awam yang mempunyai kepakaran serta telah membuktikan kemampuan dan kebolehan mereka dalam bidang masing-masing, berpeluang menjadi pemimpin tanpa perlu menyertai parti politik.

Penambahan senator yang mengganggotai Jemaah Menteri Kabinet kepada lima orang berikutan pelantikan Nor Mohamed sebagai senator, turut memperkukuhkan kedudukan Dewan Negara sebagai dewan tertinggi institusi perundangan negara, katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Dr Abdul Hamid berkata: " Ini adalah sebaik-baik contoh bahawa di Malaysia kita tidak amal pemisahan yang mutlak antara politik dan kakitangan kerajaan."

"Ini juga bermakna jawatan menteri bukan hanya jawatan orang politik sahaja," katanya.

Dr Abdul Hamid berkata kakitangan awam yang cemerlang dalam perkhidmatan, boleh dipilih sebagai menteri jika kepakaran mereka diperlukan.

Selain itu pelantikan mereka yang bukan anggota Parlimen atau anggota parti politik ke jawatan dalam kabinet melalui keanggotaan mereka sebagai ahli Dewan Negara memberikan satu sistem fleksibiliti kepada pemerintah untuk membuat pelantikan bagi kepentingan negara secara serta-merta tanpa memerlukan pilihan raya diadakan.

"Contohnya, Nor Mohamed dikenal pasti sebagai orang yang layak dan diperlukan serta-merta oleh negara tetapi kerajaan tidak dapat menunggu pilihan raya umum diadakan untuk meletakkannya sebagai calon untuk bertanding," katanya.

Oleh itu, pelantikannya sebagai anggota Dewan Negara merupakan tindakan pantas untuk memantapkan pentadbiran negara, terutama pada masa peralihan

kepimpinan negara masa ini, katanya.

Ditanya sama ada sistem pemerintahan sekarang lebih cenderung melantik

profesional daripada ahli politik sebagai menteri, Dr Abdul Hamid berpendapat ia berlaku kerana timbulnya keperluan untuk mengisi jawatan

penting yang memerlukan orang yang paling layak.

Selain itu, pentadbiran negara masih dalam masa peralihan berikutan

pertukaran pucuk pimpinan pada akhir Oktober lepas dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih jawatan Perdana Menteri dari Tun Dr

Mahathir Mohamad yang telah menerajui negara lebih 22 tahun, katanya.

Nor Mohamed, yang akan mengangkat sumpah sebagai senator esok, sebelum

ini bertugas sebagai penasihat ekonomi kepada Perdana Menteri, telah memainkan peranan besar dalam memperkenalkan tambatan ringgit kepada dolar

Amerika bagi kestabilan kewangan negara semasa krisis kewangan 1997/98

Sebelum ini, Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamed pula telah dilantik ke jawatan tersebut berdasarkan pengalamannya dalam bidang pendidikan.

Bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia itu telah dilantik sebagai senator pada tahun 1999, manakala bekas Ketua Pengarah Jabatan

Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, dilantik

sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi mengendalikan isu berkaitan

agama kerana kepakarannya dalam bidang itu.

Dua lagi senator yang dilantik sebagai menteri ialah Datuk Tengku Adnan

Tengku Mansor sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Tan Sri Kasitah Gaddam sebagai Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Senator Datuk Zainuddin Maidin yang berpengalaman dalam bidang pemberitaan telah dilantik sebagai Timbalan Menteri Penerangan.

-- BERNAMA

NN HK MUN LAT